

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 12 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 11

**KEADAAN** jerebu di sekitar Bandar Klang dengan bacaan IPU 183 iaitu paras tidak sihat.

## **Kuala Lumpur**

### **17 kawasan IPU tidak sihat**

Daerah Rompin, Pahang dan kawasan Johan Setia, Klang, Selangor mencatatkan indeks pencemaran udara (IPU) sangat tidak sihat dengan masing-masing mencatatkan 223 dan 201 setakat jam 6 petang, semalam.

Data keseluruhan menunjukkan kualiti udara di 17 kawasan turut tidak sihat.

Berdasarkan maklumat dipaparkan Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia, bacaan IPU tidak sihat tertinggi direkodkan di Nilai, Negeri Sembilan dan Putrajaya dengan masing-masing 161.

Turut mencatatkan bacaan tinggi ialah di Cheras dan Batu Muda, Kuala Lumpur apabila masing-masing mencatat

bacaan IPU149 dan 145.

Kualiti udara di Selangor juga merekodkan IPU tidak sihat dengan Shah Alam (156), Petaling Jaya (152), Klang (148) manakala Banting dan Kuala Selangor masing-masing 137.

Di Negeri Sembilan, bacaan IPU tidak sihat dicatatkan di Nilai (161), Seremban (135) dan Port Dickson (104).

Turut terjejas di Sarawak membabitkan Sri Aman (141) dan Kuching (113).

Bacaan IPU di Melaka menunjukkan tahap sederhana dengan Bukit Rambai mencatatkan 100, Alor Gajah dan bandar raya Melaka masing-masing 98 manakala Tangkak, Johor, 122.

Bacaan IPU 0-50 menunjukkan kualiti udara sihat, 51-100 (sederhana), 101-200 (tidak sihat), 201-300 (sangat tidak sihat) dan melebihi 300 (berbahaya).